

Murid SK Lanas teruja melihat kemudahan canggih di UMSKAL

UB 19.11.2019 3


LABUAN: Seramai 21 murid tahun enam Sekolah Kebangsaan (SK) Lanas, Keningau mengadakan Lawatan Sambil Belajar sempena Program Pasca UPSR 2019 ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Ketua Rombongan Cikgu Rudim Bowie berkata lawatan itu bertujuan mendedahkan murid dengan peluang kerjaya, menambah pengetahuan dan pengalaman kepada murid kehidupan di menara gading.

“Lawatan itu bertujuan memberi perangsang kepada murid untuk memulakan platform dalam bidang akademik yang baik.

“Ia juga untuk memberi pendedahan kepada murid tempat menuntut ilmu di menara gading,” katanya dalam ucapan balas sempena lawatan itu di Dewan Kuliah, Podium Bangunan Menara UMSKAL.

Rudim yang juga Penolong Kanan Pentadbiran SKLK berkata lawatan itu bertujuan memberi sumber inspirasi kepada murid agar



JAWAB SOALAN: Murid SK Lanas menjawab soalan yang dikemukakan Mohizam sempena lawatan murid SK Lanas ke UMSKAL, kelmarin.

meneruskan kecemerlangan untuk mencapai cita-cita mereka memasuki IPTA.

Lawatan itu yang turut disertai tiga orang guru dan dua Pembantu Pengurusan Murid (PPM) diharap dapat merehatkan fikiran murid selepas menduduki UPSR pada tahun ini.

Sementara itu, taklimat

mengenai UMSKAL disampaikan oleh Penolong Pegawai Tadbir Mohizam Mohamad yang mewakili Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Haji Mohamad Tuah di Dewan Kuliah D, Bangunan Menara.

Sepanjang lawatan itu, murid dan guru diiringi serta diberikan taklimat oleh

Mohizam dan Nor Atiqah Mustafa ke Aras 13 dan Makmal Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) di Tingkat 9 serta Bilik Eureka.

“Kami ucapkan terima kasih kepada Pengarah UMSKAL Prof Dr Murnizam Haji Halik yang sudi menerima kunjungan murid tahun enam yang bakal memasuki



GAMBAR KENANGAN: Rudim (barisan tengah, dua kiri) bersama murid dan guru SK Lanas bergambar kenangan di hadapan pintu masuk UMSKAL, kelmarin. Turut kelihatan Mohizam (kiri).

UMSKAL pada masa akan datang,” katanya yang mewakili Guru Besar SK Lanas Mohd Yusri Abdullah.

Murid dan guru teruja ketika berada di Makmal FKI yang canggih selain terpesona dengan pemandangan me-


narik Wilayah Persekutuan Labuan yang dapat dilihat dari Aras 13 yang turut menempatkan Balai Cerapan.

UMSKAL kini menawarkan tujuh program iaitu lima di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan dua program di FKI.

Selain UMSKAL, murid dan guru SK Lanas turut melawat Taman Burung, Chimney, TUDM dan Tugu Peringatan Perang Dunia Kedua.

“Saya yakin menerusi lawatan itu, murid dan guru dapat melihat sendiri pembangunan pesat Labuan yang telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 16 April 1984,” katanya.

Pada akhir lawatan, Rudim menyampaikan cenderamata kepada Mohizam sebagai tanda kenang-kenangan.



TERUJA: Murid SK Lanas teruja dapat melihat sendiri kecanggihan Makmal Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) di Tingkat 9.



LAWAT: Murid dan guru SK Lanas melawat Bilik Eureka yang merupakan bilik serba guna untuk pelajar dan kakitangan UMSKAL mengadakan pelbagai program termasuk kuliah dan acara rasmi.